

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS  
@ TUBAU [ LIBARAN ]**

**SOALAN**

**YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan jumlah dana yang telah dikutip oleh Tabung COVID-19 Majlis Keselamatan Negara, MKN dan pecahan peratusan yang telah disalurkan mengikut kumpulan tersasar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dimaklumkan bahawa Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pengurusan Tabung COVID-19.

Sehingga **14 Julai 2020**, jumlah kutipan/terimaan Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM42,644,587.57**. Butirannya adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PERIHAL</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Sumbangan Kerajaan Malaysia	1,000,000.00
2	Sumbangan Institusi Diraja	200,000.00
3	Sumbangan Anggota Pentadbiran	1,700,904.88
4	Sumbangan Korporat	34,114,858.45
5	Sumbangan Lain-lain	5,628,824.24
<b>JUMLAH</b>		<b>42,644,587.57</b>

Sehingga **14 Julai 2020**, jumlah perbelanjaan Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM28,760,705.44**. Butirannya adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PERIHAL</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Bantuan Bakul Makanan kepada yang memerlukan (program KPWKM)	25,229,105.44
2	Bantuan Khas COVID -19 - Pengurusan Kematian (RM5,000)	525,000.00
3	Bantuan Khas COVID -19 - Kehilangan Pendapatan (RM100)	3,006,600.00
<b>JUMLAH</b>		<b>28,760,705.44</b>

Peruntukan bagi Bantuan Bakul Makanan disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara. KPWKM melalui JKM menyampaikan bantuan dalam bentuk Bakul Makanan dan wang tunai kepada mereka yang memerlukan semasa tempoh PKP.

Bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian, NADMA menyalurkan bantuan wang tunai (RM5,000) kepada 105 waris pesakit yang telah meninggal dunia ekoran jangkitan wabak COVID -19.

Bagi Bantuan Khas Kehilangan Pendapatan, NADMA menyalurkan bantuan wang tunai sebanyak RM100 sehari (maksimum 14 hari - RM1,400) kepada 2,190 yang layak. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia yang bekerja di Malaysia tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh dikenakan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID -19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- b) Warganegara Malaysia yang bekerja di Malaysia tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh menjalani rawatan di wad hospital (warded) ekoran COVID-19.

Sehingga **14 Julai 2020**, baki Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM13,883,882.13** dan akan digunakan untuk membayar Bantuan Khas Pengurusan Kematian dan Kehilangan Pendapatan yang sedang diproses. Jika masih terdapat baki tabung ini, baki tersebut akan dimasukkan ke Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

Pecahan peratusan yang telah disalurkan adalah seperti berikut:-

- a) 59% - Bagi Bantuan Bakul Makanan
- b) 1% - Bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian
- c) 7% - Bagi Bantuan Khas Hilang Pendapatan
- d) 33% - Bagi bantuan pengurusan kematian dan bantuan hilang pendapatan yang sedang diproses dan bakinya akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara

Sekian, terima kasih